

# UPM sediakan van khas untuk pelajar OKU



MOHAMMAD Shatar Sabran membantu pelajar OKU turun dari kendaraan pengangkutan khas untuk pelajar OKU di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/NURUL AZWA HARIS

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Buat pertama kali, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil langkah proaktif menyediakan sebuah van transit khas untuk 27 pelajar kurang upaya (OKU) yang akan memulakan perkhidmatan pada bulan ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, langkah itu bertujuan untuk memudahkan perjalanan mereka ke kelas dan sekitar kawasan universiti.

"Pihak universiti memandang serius terhadap perkhidmatan ini untuk para pelajar, khususnya golongan OKU memandangkan kawasan universiti yang besar serta jarak antara kolej kediaman dan fakulti agak jauh.

"Kami berharap dengan penyediaan van ini dapat mengurangkan beban mereka dan seterusnya menggalakkan mereka untuk berusaha mencapai kejayaan," katanya dalam sidang akhbar di Kolej 11, UPM, Serdang, dekat sini hari ini.

Sesi pendaftaran pelajar baharu UPM yang bermula semalam, menyaksikan empat pelajar OKU merupakan antara 4,105 pelajar diterima masuk untuk sesi akademik

2013/2014 kali ini.

Dalam pada itu, kerjasama UPM dalam menyediakan kemudahan van transit khas pelajar OKU itu disambut baik golongan tersebut.

**Faziera Nur Idris**, 20, yang mengalami komplikasi urat di bahagian kaki yang menyebabkan pergerakannya terbatas berkata, penerimaan UPM terhadap pelajar OKU amat wajar bagi memberi peluang kepada golongan tersebut untuk meneruskan pengajian tinggi di universiti.

"Walaupun kami bukan seperti pelajar normal, namun kami tidak boleh membiarkan kekurangan membataskan pergerakan kami dalam menimba ilmu," katanya yang bakal meneruskan pengajian dalam bidang mikrobiologi.

Sementara itu, **Khaider Shahrul Ismail**, 21, yang mengalami masalah kecacatan arterio-vena (AVM) berterima kasih dengan perkhidmatan disediakan.

Menurutnya yang bercita-cita untuk menjadi pengatur cara komputer, usaha itu akan menarik minat lebih ramai OKU meneruskan pengajian di universiti dan memegang se-gulung ijazah.